

Nusajaya bandar utama serantau

Um-3/11/2006

Sesuai dengan wawasan SJER untuk menjadikan Johor Selatan sebagai bandar raya yang memiliki kemudahan bertaraf dunia, Bandar Nusajaya akan menyediakan kemudahan lain sebagai pelengkap kepada SJER

MOHAMAD SA'ELAL
Pengarah Urusan
Bandar Nusajaya
Development
Sdn. Bhd.

Oleh ROHANI IBRAHIM

JOHOR BAHRU 2 Nov. – Kawasan pembangunan Bandar Nusajaya dalam Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER) yang akan melalui pelbagai pembangunan terancang, bakal muncul sebagai kawasan perbandaran bersepadu utama di rantau ini.

Pengarah Urusan Bandar Nusajaya Development Sdn. Bhd., Mohamad Sa'elal berkata, pembangunan yang akan dilaksanakan di Bandar Nusajaya ialah kelompok logistik dan industri selatan, hab perubatan, resort bertaraf antarabangsa, 'EduCity' atau bandar raya ilmu dan kawasan rekreasi.

"Sesuai dengan wawasan SJER untuk menjadikan Johor Selatan sebagai bandar raya yang memiliki kemudahan bertaraf dunia, Bandar Nusajaya akan menyediakan kemudahan lain sebagai pelengkap kepada SJER.

"Antara kemudahan yang akan terdapat di EduCity Bandar Nusajaya ialah sekolah antarabangsa dan salah sebuah dari 20 institusi pengajian tinggi yang terkemuka di Amerika Syarikat iaitu Carnegie-Mellon.

"Ini merupakan kampus Carnegie-Mellon yang pertama di Asia Tenggara," katanya.

Selain itu tambah beliau, beberapa universiti terkemuka di India, Jepun, Kanada dan Australia akan turut mengendalikan program berkembar di Bandar Nusajaya menjelang 2009.

Mohamad berkata demikian pada sesi taklimat kepada media di sini hari ini menjelang pelancaran SJER oleh Sultan Johor di Bandar Nusajaya, dekat sini.

Mengenai hab perubatan, beliau berkata, Bandar Nusajaya merancang untuk menjadi pusat rawatan dan perkhidmatan serta pembangunan serta penyelidikan kesihatan di Asia.

"Hospital swasta yang pertama di Bandar Nusajaya dijangka beroperasi pada 2009. Kemudahan rawatan alternatif seperti rawatan tradisional Cina dan herba termasuk akupunktur akan disediakan.

"Satu lagi industri yang akan diberikan perhatian dalam pembinaan hab perubatan ini ialah pelancaran kesihatan," katanya lagi.

Pada sesi taklimat itu, media tempatan dibawa melawat beberapa projek pembangunan sedia ada di bawah SJER iaitu Teluk Danga, Bandar Nusajaya dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).